



## SIARAN MEDIA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

### **PPj KOMITED PERKASA USAHAWAN SETEMPAT MELALUI PLATFORM PUTRA POINT**

Putrajaya, 14 Februari 2019 – Perbadanan Putrajaya (PPj) membangunkan Pusat Niaga Komuniti Putrajaya atau dikenali sebagai PUTRA POINT di Kompleks Kejiranan Presint 16. Putrajaya.

Majlis Pelancaran PUTRA POINT dirasmikan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh. Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Hajah Rosida Binti Jaafar dan Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim.

PUTRA POINT dibangunkan sebagai platform para usahawan bumiputera khususnya di Putrajaya bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka yang diusahakan secara *home-based*.

Kos keseluruhan projek pembangunan pusat ini dianggarkan berjumlah RM100,000.00 di bawah Inisiatif Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera (PEB), Kementerian Wilayah Persekutuan. Berkeluasan 800 kaki persegi, PUTRA POINT menyediakan pelbagai fasiliti seperti ruang pameran perniagaan, ruang perbincangan, sudut e-biz, mini pejabat dan mini kafe untuk usahawan menjalankan urusan niaga dan aktiviti pemasaran. PPj juga turut menyediakan laman sesawang [putrapoint.com.my](http://putrapoint.com.my) bagi membantu para usahawan mempromosi produk dan perkhidmatan kepada orang ramai.

Pusat ini diuruskan oleh Kelab Usahawan Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) Putrajaya yang dikenali sebagai Kuputra di mana keanggotaannya terdiri daripada peserta program PEB terdahulu dan dipantau oleh PPj sebagai penasihat kelab.


PPj menyasarkan matlamat agar pusat ini menjadi *one stop center* kepada komuniti Putrajaya bagi mendapatkan produk dan perkhidmatan keluaran usahawan tempatan serta menjadi platform para usahawan yang baru menceburi dunia perniagaan untuk mengembangkan perniagaan mereka.

PPj juga turut memperkenalkan sistem OSC 3.0 bagi menerima, merekod dan memantau kesemua permohonan kelulusan pelan pembangunan sehingga Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan. PPj juga merupakan Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT) yang pertama membangunkan sistem ini di mana ianya akan dijadikan asas oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membangunkan Sistem OSC 3 Plus Online bagi kegunaan PBT di seluruh Semenanjung Malaysia.

Dalam majlis yang sama, PPj turut melancarkan sistem E-Lesen Putrajaya (ELP) yang memberi kemudahan kepada para peniaga untuk membuat permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan serta iklan secara atas talian. Sistem ini juga akan meningkatkan keberkesanan pemantauan dan pelaksanaan penguatkuasaan lesen di Putrajaya.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pegawai Perhubungan Media, Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-88877347, 019-3354346 atau e-mel ke alamat [m.fairus@ppj.gov.my](mailto:m.fairus@ppj.gov.my)



**(TENGGU AINA BINTI TENGGU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 14 Februari 2019